
Parameter *Ijtihad* Dalam Penentuan Hukum Syarak Pada Masa Kini
543emran@gmail.com

Amram Dingdorrormaeng¹
Saadan Man²
Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar³

Abstrak

Ijtihad merupakan satu mekanisme penting dalam syariat khususnya bagi mendepani permasalahan yang baharu berlaku dalam masyarakat Islam. Kesamaran mengenai parameter *ijtihad* boleh menyebabkan berlaku salah faham terhadap keanjalan dan keutuhan syariah dalam menghadapi isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Justeru, artikel ini membahaskan beberapa parameter *ijtihad* dalam menentukan sesuatu hukum syarak. Kajian ini adalah bersifat kajian kualitatif deskriptif. Data-data dikumpul berasaskan kepada analisis kandungan terhadap kitab rujukan muktabar dalam pengajian Islam khususnya dalam bidang fiqh dan usul fiqh. Data-data tersebut seterusnya dianalisis melalui metode induktif dan deduktif bagi menjawab permasalahan kajian. Berdasarkan analisis mendalam yang telah dilakukan, kajian merumuskan bahawa setiap hukum yang ditentukan oleh para fuqaha adalah berasaskan kepada parameter yang khusus bagi menjamin kesahihannya. Kajian turut mengetengahkan beberapa parameter *ijtihad* yang seringkali digunakan oleh fuqaha dalam menentukan sesuatu hukum.

Kata Kunci: Parameter *Ijtihad*, Syariat Islam, Penentuan Hukum

¹ Ph.D. Candidate at Department of Fiqh & Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

² Ph.D. Senior Lecturer at Department of Fiqh & Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
Email: saadan@um.edu.my

³ Ph.D. Senior Lecturer at Department of Fiqh & Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
Email: syedjeffri89@um.edu.my

Current Ijtihad Parameters in Determining Sariah law

543emran@gmail.com

Amram Dingdorrormaeng¹

Saadon Man²

Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar³

Abstract

Ijtihad is an important mechanism in sharia especially in solving or tackling new issues or problems confronting the Islamic society or community. The ambiguity of ijtihad parameters can cause myopic understandings or misinterpretations towards the flexibility and concreteness of Sariah in tackling current issues faced by Islamic community. Hence, this article presents a few ijtihad parameters in determining certain Sariah law. This research basically employed the descriptive qualitative approach. Data were being collected based on content analysis of referred book or *kitab* in Islamic studies especially those related to *fiqh* and *usul fiqh*. Those data were then analysed through the inductive and deductive method to answer the research questions. The detailed analysis performed in this study concluded that every *hukum* determined by the *fuqaha* is based on specific parameters in order to ensure its authenticity and reliability. This research also discussed a few ijtihad parameters that were always adopted and used by *fuqaha* in determining *hukum*

Keywords : Ijtihad Parameters, Shariah Law, Determining *Hukum*

¹ Ph.D. Candidate at Department of Fiqh & Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.

² Ph.D. Senior Lecturer at Department of Fiqh & Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
Email: saadan@um.edu.my

³ Ph.D. Senior Lecturer at Department of Fiqh & Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya.
Email: syedjeffri89@um.edu.my

PENDAHULUAN

Penetapan hukum syariah adalah berasaskan kepada dua sumber utama yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Pertama ialah wahyu Allah yang kebenarannya adalah *mutlaq* dan bersifat *muqaddas* dan ia terdiri daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Kedua pula ialah pemahaman para fuqaha' terhadap nas-nas berkenaan. Syariah sesuatu yang secara semula jadinya sentiasa berkembang mengikut perkembangan ilmu dan nilai intelektual serta juga keadaan semasa serta setempat, bila dan bagaimana pengajian itu dilakukan ¹. Namun begitu, kekeliruan boleh berlaku apabila sesetengah pihak tidak dapat memahami asas-asas fuqaha dalam menentukan sesuatu hukum. Kekeliruan ini mengakibatkan sebahagian umat Islam berpandangan serong terhadap fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh institusi fatwa serta para fuqaha silam, lantas mereka mengkritik tanpa berasaskan kepada landasan yang betul.

Justeru, artikel ini memfokuskan perbincangan mengenai parameter *ijtihad* dalam konteks semasa bagi membina hukum syarak supaya penentuan hukum yang tepat dan dapat menjaga kemaslahatan pada setiap masa dan keadaan. Kajian ini dibuat berdasarkan kepada keperluan para mujtahid untuk sentiasa berkembang mengikut perkembangan zaman dan mempunyai kemampuan intelektual bagi menghadapi realiti hidup yang sentiasa berubah-ubah.

PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Terdapat beberapa parameter berkaitan penentuan hukum yang akan dibincangkan berasaskan kepada huraian para ulama dalam penulisan-penulisan mereka. Parameter ini penting bagi menjamin kesahihan hukum yang

ditentukan dalam permasalahan-permasalahan semasa.

i. Mengenal Pasti Permasalahan Yang Tidak Ditentukan Hukumnya Oleh Syarak

Parameter ini merupakan parameter yang paling penting dalam *ijtihad* bagi memutuskan hukum syarak pada masa kini. Ilmuwan yang berkecualan boleh membina hukum terhadap permasalahan sebegini berasaskan kepada dalil dan kaedah syarak yang sedia ada. Permasalahan yang tidak ditentukan hukumnya oleh syarak merupakan ruang yang terbuka kepada para ilmuwan untuk menentukan hukumnya setelah mereka meneliti dalil-dalil daripada Quran, Sunnah & ijmak. Asas kepada parameter ini ialah sabda Rasulullah SAW dari hadis Abu Darda' yang bermaksud ²:

"...Apa yang dihalalkan Allah di dalam kitab-Nya (Quran), maka itulah perkara yang halal. Apa yang diharamkan olehNya, maka itulah perkara yang haram. Apa yang didiamkan oleh Allah, maka itu suatu kemudahan, maka terimalah kemudahan daripada Allah kerana Allah sama sekali tidak akan lupa. Kemudian beliau membaca ayat Quran yang bermaksud "Dan tidaklah Tuhan kamu itu pelupa..."

Hadis di atas menunjukkan bahawa hukum yang sudah ditetapkan oleh Allah tidak boleh diubah atau ditukarkan. Manakala permasalahan yang tidak disebut oleh Allah boleh dianggap sebagai kemudahan yang diberikan oleh Allah. Ini menunjukkan bahawa agama Islam itu merupakan agama yang bertujuan untuk memudahkan dan tidak menyusahkan. Berdasarkan kepada hadis di atas juga, terdapat beberapa perkara yang boleh dirumuskan iaitu:

¹ (Mahmood Zuhdi Abdul Majid: 2001).

² (Al-Bayhaqi : 2003).

Pertama: Semua permasalahan yang berkaitan dengan halal dan haram hanya boleh ditentukan oleh syarak sahaja dan tidak boleh dipertikaikan. Permasalahan halal dan haram ini telah pun dijelaskan oleh Allah SWT dalam Quran dan hadis Nabi.

Kedua: Semua arahan yang diperintahkan oleh Allah SWT mestilah diterima dengan ikhlas dan reda termasuklah perkara-perkara yang didiamkan olehNya.

Ketiga: Jangan melampaui batas yang telah ditetapkan oleh Allah dengan menambah dan mereka-reka sesuatu ibadat yang tidak terkandung di dalam nas kerana ia boleh membawa kepada *bid'ah* dan dosa yang boleh diazab pada hari pembalasan nanti.

Ulama silam telah pun berjihad dalam permasalahan-permasalahan sebegini seperti contoh-contoh berikut:

a) Mazhab Hanafiyyah dan Hanābilah berpendapat bahawa darah yang mengalir boleh membatalkan wudhu' jika ia mengalir dengan banyak iaitu melebihi adat kebiasaannya seperti melebihi kadar tapak tangan. Pada hakikatnya, pandangan ini tidak berasaskan kepada dalil yang sahih. Oleh itu, ia perlu mengguna pakai parameter ini ia termasuk dalam perkara yang tidak ditentukan hukumnya oleh syarak¹.

b) Berlaku perselisihan dalam kalangan mazhab tentang hukum menyapu khuf yang telah terkoyak dan cacat. Imam Malik berpandangan harus menyapu khuf yang terkoyak jika sedikit kecuali jika bahagian terkoyak itu adalah bahagian hadapan kaki maka ia tidak harus disapu. Imam Abū Ḥanīfah pula mengharuskan sapuan khuf jika ia terkoyak kurang daripada ukuran tiga jari. Manakala Imam Ahmad pula berpendapat tidak harus menyapu khuf jika ia terkoyak pada mana-mana bahagian walaupun

sedikit. Permasalahan sebegini tidak dijelaskan hukumnya oleh syarak. Oleh itu, permasalahan ini telah dibincangkan oleh ulama berdasarkan parameter ini iaitu *ijtihad* dalam permasalahan yang tidak ditentukan hukumnya oleh syarak.

c) Mazhab Hanafiyyah berpandangan bahawa *masafah* atau jarak yang dibolehkan untuk *qasar* solat mestilah sejauh perjalanan selama tiga hari. Mereka berhujah dengan hadis Abu Sa'id bermaksud:

“Tidak harus bagi seorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari akhirat bermusafir tiga hari dan ke atas, kecuali bersamanya bapanya atau anaknya, atau suaminya atau saudaranya, atau mahram daripadanya”

(Muslim : 1339) Hadis tersebut walau bagaimana pun diguna pakai pada permasalahan yang tidak berkaitan permasalahan solat *qasar*. Oleh itu, pemakaiannya di sini adalah tidak tepat. Namun begitu, permasalahan ini termasuk dalam permasalahan yang boleh ditentukan berdasarkan kepada *ijtihad* kerana jarak yang membolehkan *qasar* solat tidak dinyatakan dengan jelas oleh syarak.

ii. Tidak Tergesa-Gesa Dalam Mengeluarkan Sesuatu Fatwa

Parameter ini lebih menjurus kepada bahawa seseorang mufti atau mujtahid tidak boleh berfatwa di dalam keadaan tergesa-gesa. Ini bukan bermakna mereka tidak boleh berfatwa, tetapi perlu kepada cermat dengan tidak sewenang-wenang di dalam mengeluarkan sesuatu hukum. Kerana mengeluarkan sesuatu ijtihad bukan lah suatu perkara yang ringan. Bahkan ia nya memberi impak yang besar kepada masyarakat. Demikian dapat dilihat para salaf lebih banyak menjawab dengan perkataan “aku tidak tahu” atau bertanyalah kepada orang lain yang lebih tahu.

¹ (Qutb al-Raysūnī, n.d.: 76.)

Contohnya

Kebanyakan ulama salaf mengambil berat tentang hal ini, khususnya dalam menentukan hal halal dan haram bagi sesuatu perkara. Mereka tidak berfatwa dengan segera dan terus menjawab sebaliknya cuba untuk mengelak dalam menyatakan sesuatu hukum selagi ada yang lain lebih layak menjelaskan. Mereka juga menggalakkan *tawaquf* (tidak memberi sebarang respon) khususnya perkara-perkara yang tidak jelas mengenai.

Sebagai contoh:

Dari Abi Minhal ia berkata: “aku bertanya kepada Zaid Ibn Arqam dan Bara’ Ibn ‘Azib tentang *saraf*. Maka setiap aku bertanya kepada salah satu dari keduanya ia menjawab: tanyakanlah kepada yang lain, kerana sesungguhnya ia lebih baik dan lebih mengetahui dari aku”¹

Demikian juga persitiwa mengenai Ibn Umar, Uqbah Ibn Muslim meriwayatkan bahawa beliau mendampingi Ibn Umar ra selama tiga puluh empat bulan, kebanyakan persoalan apabila beliau di tanya, beliau menjawab “aku tidak tahu”².

Imam Shafi’i pernah ditanya mengenai sebuah masalah lalu beliau diam, maka dikatakan kepadanya: tidakkah engkau menjawab –semoga Allah merahmatimu–?, maka ia mengatakan: “sampai aku tahu yang lebih baik, apakah dalam diamku atau dalam jawabanku”³

Imam Ahmad bin Hambal juga beliau bagi jawapan yang sama jikalau disoal. Jelas sekali bahawa mereka itu berhati-hati dengan perkara tersebut, iaitu perkara yang berkaitan dengan hukum halal dan haram dalam mengeluarkan

fatwa mereka.⁴ Mereka ulama fiqh berhati-hati dalam menjawab soalan. Bererti hal berkaitan dengan halal atau haram tidak boleh segera menjawab, selain merujuk kepada al-Kitab dan al-Sunnah.

Dari Abd al-Rahman Ibn Mahdi berkata: “seseorang datang kepada Imam Malik dan bertanya kepadanya, berhari-hari ia tidak menjawab, maka ia (lelaki yang bertanya) berkata: wahai Abu Abd al-Rahman, sesungguhnya aku ingin kembali dan telah lama aku menunggu (jawaban darimu). Maka Imam Malik diam sesaat lalu mengangkat kepalanya dan berkata: *Masyallah*, wahai saudaraku, sesungguhnya aku hanya berkata apabila di dalamnya terdapat kebaikan, sedangkan aku tidak menguasai pertanyaanmu ini”⁵.

Demikian juga sebagaimana yang diriwayatkan mengenai Sa’id Musayyib bahawa beliau hampir-hampir tidak pernah berfatwa atau mengatakan sesuatu melainkan ia berdoa: “Ya Allah selamatkanlah aku dan selamatkanlah orang lain dariku”⁶

Kesimpulan

Rumusan yang dapat disimpulkan bahawa jikalau ditanya sesuatu hukum kepadanya, yang mana hukum itu tidak jelas, maka tidak digalakkan menjawab dengan jawapan yang cepat dan putuskan perkara itu haram atau halal. Untuk menjaga kesilapan yang membawa kepada kesilapan besar iaitu dapat menyesatkan umah.

¹ (Abi ‘Umar Yusoff al-Qurtubi, 2003: 2/320).

² Ibid.

³ Muhammad ibn Abu Bakr Ayyub al-Zar’ei, (1996: 3/793).

⁴ Ibn al-Qayyim Shams al-Dīn Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr, *I’lām al-Muwaqqi’ in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*, 78, 79.

⁵ Muhammad ibn Abu Bakr Ayyub al-Zar’ei, *Bada’i al-Fawa’id*, 3: 793.

⁶ Ibid.

iii. *Ihtiyāt* (Berhati-hati) Sebagai Asas dalam Menentukan Hukum

Kesederhanaan dalam menentukan sesuatu hukum-hakam sebagai pilihan asas. Kesederhanaan dapat membawa kepada ketenteraman dalam kalangan masyarakat, serta memudahkan masyarakat dalam membuat pilihan untuk beramal. Kebanyakan mujtahid pada setiap zaman menggunakan kesederhanaan sebagai asas *ihtiyāt* dalam menentukan hukum. Sebagai contoh berikut;

1) Imam al-Sarakhsi berkata yang bermaksud: “mengambil *ihtiyāt* sebagai asas dalam syarak”¹

2) Imam al-Jassas berkata yang bermaksud: “mengambil kira *ihtiyāt* dan *thiqah* adalah asas yang besar dalam ilmu usul dan ia juga diamalkan oleh semua ulama fiqh.”²

3) Imam al-Shatibī berkata yang maksud: “syariah itu terbina di atas *ihtiyāt*...”³

4) Imam al-Juwayni berkata yang bermaksud: “apabila bertentangan antara dua nas secara zahir dan salah satu lebih dekat kepada *ihtiyāt*, maka kebanyakan ulama fiqh mengambil *ihtiyāt* sebagai pendekatan...”⁴

Kesederhanaan dalam menentukan hukum adalah sebagai asas bagi ulama usul. Takrif yang difahami ulama usul adalah berbeza, dan tidak jauh maksudnya antara satu sama lain. Terdapat dua perbezaan, iaitu; pertama,

mengambil jalan yang sangat luas; kedua, mengikut apa yang diminati dan disukai.

Kedua-dua takrif hukumnya adalah harus, dengan syarat ia tidak berkaitan dengan hukum hudud, kerana bab hudud adalah termasuk dalam hukum yang ditetapkan oleh syarak. Ada pun takrif yang boleh dipilih ialah; berjaga-jaga, berhati-hati menentukan hukum terhadap perkara yang haram atau perkara yang dilarang dan juga meninggalkan apa-apa yang bersyubahat.⁵

Takrif tersebut masih lagi belum sempurna, namun mengandungi larangan dan tegahan yang mengandungi hukum syarak yang empat, iaitu haram, makruh, wajib, dan sunat.⁶

Adapun takrif yang diberikan oleh al-Qarrāfi iaitu “Tinggalkan apa sahaja yang tidak mengapa dengannya, bagi mengelakkan daripada perkara yang mungkin apabila ditinggalkan, ia akan berlaku masalah.”⁷ Takrif ini juga disokong oleh Ibn Qayyim dalam kitabnya.⁸

Kebanyakan jumhur ulama mengambil kira dan berhujah, berjaga-jaga atau berhati-hati dalam mengeluarkan hukum, termasuk ulama Hanafiyyah,⁹ Malikiyyah,¹⁰ al-Shāfi‘iyyah¹¹ dan Hanābilah.¹²

⁵ *Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, 80.

⁶ *Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, 80.

⁷ *Shihāb al-Dīn al-Qarrāfi, al-Furuk*, vol. 4 (Bayrūt: t.p., t.t.), 368.

⁸ *Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Baḍā‘i‘ al-Fawā‘id*, vol. 3 (T.t.p.: Idārah al-Tibā‘ah al-Munīrah, t.t.), 257.

⁹ *Aḥmad al-Sarakhsī, al-Uṣūl*, 345.

¹⁰ *Shihāb al-Dīn al-Qarrāfi, Naḍā‘is al-Uṣūl*, vol. 3, ed. *Ādil Aḥmad ‘Abd Allāh wa ‘Alī Muḥammad Mau‘d* (Makkah: Maktabah al-Bāz, 1995), 334.

¹¹ *Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzālī, al-Mustasfā*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Kutub, t.t.), 447; *Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, 402.

¹² *Abī Ya‘la al-Fura‘i, al-Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*, vol. 4, ed. *Aḥmad bin ‘Alī al-Mubārakī* (Riyāḍ: t.p., 1980), 1244.

¹ *Aḥmad al-Sarakhsī, al-Uṣūl*, vol. 2 (Miṣr: Dār al-Kutub al-‘Arabī, 1951), 23.

² *Abī Bakr al-Jassas, al-Fuṣūl fī al-Uṣūl*, vol. 2, ed. *Ajīl al-Namsyī Wizarah al-Awqāf wa al-Syu‘ūn al-Islāmiyyah*, t.t.), 99.

³ *al-Shaṭībī Abī Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Nahmī, al-Muwafaqāt*, vol. 2, ed. *‘Abd Allāh Diraz* (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 276.

⁴ *Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, vol. 2, ed. *‘Abd al-‘Azīm Maḥmūd al-Zib* (Miṣr: Dār al-Wafā‘ al-Manṣūrah, 1992), 779.

Tidak semua *iḥtiyāt* itu termasuk syarak dan sunat, termasuk kategori warak dan membebaskan daripada perkara yang syubhat. Hal ini kerana sesetengah perkara yang dicela tidak boleh berpaling kepadanya, akan membawa kepada haram, atau akan menimbulkan keraguan was-was dalam agama yang dipengaruhi oleh syaitan.

Gambaran yang mudah dilihat ialah “mencegah sebelum berlaku” atau dikatakan menjauhi daripada perkara menambah yang reka-reka melalui jalan was-was.¹

Kesimpulan

Kesederhanaan dalam hal mengeluarkan hukum tentang sesuatu permasalahan merujuk kepada pengambilan jalan tengah, sederhana, dan menjauhi perkara yang membawa kepada perkara-perkara syubhat. Kesederhanaan tersebut bertujuan mengelakkan daripada berlakunya penambahan dan mereka-reka sesuatu yang baharu dalam hal agama menerusi jalan yang ragu-ragu.

iv. Menentukan Hukum Yang Lebih Mudah dan Ringan

Memilih hukum yang paling mudah dan ringan juga termasuk sunnah Nabi SAW kerana banyak juga hadis-hadis yang menunjukkan bahawa Rasulullah SAW memilih dan menggalakkan umatnya supaya memilih perkara yang lebih mudah. Saidatina Aishah RA pernah berkata:

ما خير رسول الله - صلى الله عليه

وسلم - في أمرين إلا اختار أيسرهما، ما لم

يكن إثما

Maksudnya: “Rasulullah SAW tidak memilih antara dua perkara kecuali baginda akan memilih perkara yang

paling ringan selagi ia tidak membawa kepada dosa”²

Ia merupakan rahmat Islam kepada umatnya supaya mereka tidak dibebankan dengan perkara yang luar kemampuan. Oleh itu, para mujtahid wajar berijtihad dengan memilih hukum yang paling mudah dan ringan. Prinsip mengambil hukum yang lebih ringan ini boleh diaplikasikan dalam permasalahan seperti berikut: Sabda Rasulullah SAW:

□ أفطر الحاجم والمحجوم

Maksudnya: “Batallah puasa bagi pembekam dan orang yang dibekam...”³
Ibn Abbas RA berkata:

أن رسول الله - صلى الله عليه

وسلم احتجم وهو صائم

Maksudnya: “Sesungguhnya Rasulullah SAW berbekam dalam keadaan baginda sedang berpuasa”⁴

Hadis pertama di atas menunjukkan bahawa perbuatan berbekam dan pembekam boleh membatalkan puasa. Adapun hadis yang kedua menyatakan bahawa Nabi SAW melakukan bekam sedangkan baginda sedang berpuasa. Jelas sekali bahawa dua hadis tersebut bertentangan antara satu

² Sulaymān Ibn al-Ash'ath Al-Sijistānī Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, ed. by Muḥammad Muḥyiddīn 'Abd al-Ḥamīd (Beirut: Dār al-Fikr).

³ Abī Dāwūd Sulaymān bin al-Asy'ath, *al-Sunan (Hams: Dār Ḥadīth, 1974)*, 3367; Ibn Mājah Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazid, *al-Sunan (Qāhirah: Dār Ḥadīth, 1994)*, 1680; Abū Muhammad 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥmān bin Fadl bin Bahram al-Darīmī, *al-Sunan*, vol. 2 (*Qāhirah: Dār Rayyān li al-Turāth, 1987*), 14.

⁴ al-Imām al-Ḥafīẓ Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī (Qāhirah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1939)*; Abī Dāwūd Sulaymān bin al-Asy'ath, *al-Sunan*, 2372; Muḥammad bin Isā al-Tirmidhī, *al-Sunan*, vol. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 149.

¹ Abī Ya'la al-Fura', *al-'Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*, vol. 4. ed. Aḥmad bin 'Alī al-Mubārakī, 85.

sama lain. Kaedah penyelesaiannya ialah; hadis pertama dikira rujuk kepada asal, manakala hadis yang kedua adalah thabit dan tetap baginya, kerana asal perkara tersebut tidak membatalkan puasa. Begitu juga telah sabit daripada hadis Sa'id al-Khudri berkata bahawa, “telah diberikan keringanan kepada mereka yang berpuasa dalam hal mencium isteri dan berbekam”¹

Menurut Imam al-Zarkasyi, memilih perkara yang lebih mudah lagi ringan ketika wujud pertentangan samada dalam perkara wajib atau pun sunat dibolehkan jika kedua-dua perkara tersebut sama kuat². Gambaran ialah apabila sesuatu permasalahan itu mempunyai nas yang menyatakan mengenai suatu kewajipan dan terdapat dua cara perlaksanaannya. Salah satu daripadanya lebih mudah dan ringan berbanding dengan salah satu cara lagi serta tidak terdapat pentarjihan ulama terhadap mana-mana satu cara tersebut berasaskan kepada sebarang nas atau dalil, maka harus mendahulukan dan mengutamakan cara yang paling ringan kerana ia selaras dengan objektif syarak yang sentiasa memberikan kemudahan serta kelonggaran.

Memilih yang mudah dan lagi ringan juga merupakan satu sunnah dan Nabi SAW suka memberikan kemudahan kepada umatnya. Prinsip ini juga menunjukkan bahawa peraturan dalam agama Islam adalah ringan, mudah dan tidak membebankan. Ia bersesuaian dengan sifat Allah yang Maha Pemurah lagi Penyayang, Maha Kaya dan tidak memerlukan hambaNya. Oleh itu, apabila terdapat dua perintah yang diberikan pilihan, maka pilihan yang paling mudah dan ringan adalah lebih baik untuk diamalkan oleh umat Islam.

Kesimpulan

Memilih yang mudah dan meninggalkan sesuatu yang susah. Ia juga selaras dengan keinginan manusia, yang cenderung terhadap yang lebih mudah dan ringan.

v. Menerima *Rukhṣah* dari Syarak sesuai pada sesuatu keadaan

Dalam Islam, *rukḥṣah* diberikan untuk meringankan beban kepada hambanya, khususnya dalam sesuatu ibadat apabila ia menepati syarat-syarat yang dikehendaki oleh syarak, dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama atau mujtahid. Banyak contoh kelonggaran yang diberikan dalam hal ibadat. Antara kelonggaran tersebut adalah sebagaimana berikut;

Contohnya

Sebahagian ulama menyempitkan ruang dengan mewujudkan syarat-syarat tertentu bagi mendapat *rukḥṣah*, yang mana perkara itu asalnya telah dibuka ruang seluasnya oleh syarak. Mereka mengadakan syarat-syarat tertentu yang pada asalnya tidak mempunyai syarat-syarat yang khusus mengenai. Sebagai contoh yang senang untuk difahami adalah pandangan jumhur ulama tentang qasar solat ketika musafir untuk melakukan maksiat. *Rukḥṣah* bagi musafir yang bertujuan untuk melakukan maksiat sememangnya tidak dibenarkan, sepertimana bermusafir untuk membunuh, untuk berjudi dan lain-lain maksiat. Berlainan dengan pandangan Ḥanafīyyah dan juga disokongi oleh Ibn Hazm, Ibn Taymiyyah serta beberapa ulama dari salaf dan khalaf. Mereka membenarkan untuk menunaikan solat secara qasar ketika bermusafir, walaupun dengan niat untuk melakukan maksiat terhadap Allah. Hal ini disebabkan nas hanya menyatakan bahawa sesiapa yang bermusafir, maka dibolehkan untuk qasar solat, namun tidak dikaitkan dengan syarat tertentu.

¹ Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, (1969,: 931).

² Fakhr al-Dīn al-Razī, 1988), 156; al-Zarkasyī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ, vol. 6 (Miṣr: Dār al-Kutub, 1994), 31.

Pandangan Ulama

Rukhsah adalah hadiah yang dikurniakan oleh Allah kepada hambanya. Jika seseorang hamba tidak mahu menerima apa yang dikurniakan kepadanya, maka ia dianggap tidak beradab dengan Allah. Mereka yang tidak mahu menerima *rukhsah* juga dianggap membelakangi keringanan yang diberikan oleh syarak. Menerima *rukhsah* kena pada tempatnya adalah selari dengan *dawābiṭ* syarak, supaya menghasilkan *maṣlaḥah* dan kesempurnaannya. Keringanan ke atas setiap mukallaf berlaku dengan keadaan berbeza-beza mengikut kadar keperluan dan kesesuaian. Sesiapa yang tidak menerima *rukhsah* atau menggunakan kaedah yang tidak dikehendaki oleh syarak, maka mereka telah menyalahi *maqāṣid al-sharī'ah*.¹

Rukhsah datang daripada Allah sebagai nikmat untuk hamba, supaya hamba lebih taat dalam melakukan sesuatu amal ibadah untuk akhirat. Selain itu, nikmat ini akan mendorong hamba membuat amal ketaatan dengan mudah dan lagi ringan, tidak membebankan supaya mentakwil dengan menggunakan akal dan takwilan yang jauh yang membawa kepada kesusahan. Setiap *rukhsah* digunakan ketika dharurah dan tidak boleh diterima kecuali dengan nas yang jelas.²

Kesimpulan

Mengakui dan menerima *rukhsah* tepat pada tempat, membawa kepada kemudahan dan keringanan untuk melakukan ibadat terhadap Allah.

vi. Membezakan Antara *Maqāṣid* dengan *Wasā'il*

Para mujtahid mesti mengenal pasti dan membezakan antara hukum

yang bersifat *maqāṣid* (objektif) dan hukum yang sifat *wasā'il* (pengantara), supaya tidak tersalah dalam ijtihad mereka. Hukum yang *maqāṣid* akan sentiasa tetap dan tidak berubah. Manakala hukum yang bersifat *wasā'il* boleh berubah mengikut perubahan masa dan keadaan semasa. Ini boleh difahami daripada Firman Allah SWT dalam ayat 60 daripada surah al-Anfal:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ
وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ
وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ ذُنُوبِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمْ
اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ٦٠

Terjemahannya: “Dan persiapkanlah dengan segala kemampuan untuk menghadapi mereka dengan kekuatan yang miliki dan pasukan berkuda yang dapat menggentarkan musuh Allah, musuh kamu dan orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah, nescaya akan dibalas dengan sempurna kepada kamu dan kamu tidak akan dirugikan.”

Ayat ini menerangkan bahawa *wasā'il* untuk menghadapi musuh pada zaman Rasulullah SAW adalah dengan menyediakan kelengkapan perang yang paling baik iaitulah kuda. Namun begitu, setelah perkembangan teknologi berlaku, *wasā'il* untuk berperang juga berubah sejajar dengan perkembangan tersebut. Oleh itu, *wasā'il* peperangan pada zaman ini perlulah terdiri daripada kapal terbang laju, jet, kereta kebal, dan seumpamanya yang mempunyai teknologi yang canggih. Ini kerana hukum *wasā'il* berkait dengan kemaslahatan manusia pada setiap zaman. Bagi mencapai hukum *maqāṣid*, maka *wasā'il* perlulah disesuaikan dengan perkembangan hidup manusia supaya kemaslahatan manusia sentiasa terjaga.

¹ al-Zarkashī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ, vol. 6, 101.

² al-Zarkashī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ, vol. 6, 101.

Sama juga dengan ilmu kedokteran zaman silam dengan zaman kini mempunyai perbezaan yang amat jauh. Di sini dapat menggambarkan bahawa *wasā'il* tidak sama tetapi tujuan adalah sama iaitu untuk kemaslahatan manusia.¹

Sesungguhnya kesan yang keterlaluan atau terlalu extreme dalam mengeluarkan hukum yang salah yang tidak dapat membeza antara *maqāṣid* yang thabit dan *wasā'il* yang berubah, ini setengah fukah tidak dapat membeza *maqāṣid* adakah ia membawa kepada *maṣlaḥah* atau mafsadah.²

Wasā'il adalah berubah mengikut masa, tempat, keadaan dan manusia, tetapi *maqāṣid* adalah tetap. Perubahan *wasā'il* perlu ditentukan oleh ijtihad para ulama supaya ia tidak tersasar daripada kehendak syarak dan sentiasa menjaga kemaslahatan manusia³.

vii. Membezakan Antara *Wasā'il* dengan *Bid'ah*

Secara zahirnya, *wasā'il* dan *bid'ah* adalah kelihatan hampir sama. Tetapi pada hakikatnya, kedua-duanya adalah perkara yang berbeza. *Bid'ah* adalah mereka-reka dalam ibadat dan tidak mempunyai asal daripada syarak. Manakala *wasā'il* pula ialah cara untuk melaksanakan sesuatu ibadat dengan sempurna. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas terhadap parameter ini, beberapa contoh disertakan di bawah seperti berikut:

a) Membina madrasah sebagai pusat ilmu.

Pada zaman silam, menuntut ilmu adalah sangat berhajat kepada masa, harta dan pengorbanan yang besar. Ketiadaan pusat belajar adakalanya menjadi penghalang untuk mendapatkan ilmu.

Sebagaimana ulama besar silam seperti imam-imam empat mazhab, banyak bermusafir kepada tempat yang agak jauh untuk mendapatkan ilmu. Ulama hadis juga tidak ketinggalan turut bermusafir selama berbulan-bulan bagi mencari hadis-hadis Rasulullah SAW. Madrasah sebagai pusat ilmu yang boleh menghimpunkan pelbagai cabang ilmu agama seperti ilmu aqidah, ilmu fiqh, ilmu tafsir, ilmu hadis dan lain-lain di satu-satu tempat. Ia menjadi kemudahan kepada para pelajar untuk mendapatkan ilmu yang dapat memberikan manfaat serta kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat.

b) Menaiki kenderaan yang canggih ketika bermusafir mengerjakan ibadat haji dan lain-lain

Menaiki kenderaan merupakan satu *wasilah* untuk mengerjakan sesuatu ibadat dengan sempurna. Kalau ditinjau pada zaman dahulu sebelum ada kemajuan, semua jemaah haji pergi menunaikan ibadat haji dengan menaiki kapal laut dan ia mengambil masa yang lama iaitu lebih kurang tiga bulan untuk sampai di tanah suci berbanding dengan masa kini, para jemaah haji dapat sampai di sana dengan masa yang lebih cepat dengan keadaan yang selesa dengan menggunakan kapal terbang dalam masa lapan jam sahaja.

c) Mempelajari ilmu melalui Internet, media dan lain-lain

Mempelajari ilmu daripada Internet dan media pada masa kini juga dikira satu *wasilah* untuk mendapatkan ilmu secara cepat dan tidak perlu menunggu masa yang lama kerana ia hanya mengguna hujung jari untuk dapat ilmu yang dikehendaki.

Sesungguhnya sebahagian daripada sebab yang menyusahkan dan menyempitkan agama adalah kerana menolak dan membatalkan sebahagian *wasā'il* dengan alasan *wasā'il* itu adalah

¹ *al-Zarkasyī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 6, 102.

² *al-Zarkasyī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 6, 107.

³ *al-Zarkasyī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 6, 107.

termasuk perkara *bid'ah* yang tidak mempunyai asas daripada syarak kerana tidak mempunyai sandaran nas samada daripada kitab atau pun hadis. Perkara sebegini adalah termasuk perkara yang melampaui batas jika *wasā'il* tidak dapat dibezakan dengan *bid'ah*. Secara umumnya perkara *bid'ah* boleh berlaku dalam ibadat dan tidak berlaku dalam bab muamalat dan adat¹.

Sebahagian ulama salaf membenarkan penggunaan *wasā'il* yang baru jika ia termasuk dalam perkara harus. Perkara yang penting ialah manusia dapat beribadat kepada Allah berasaskan kepada nas atau dalil dan tidak mengikuti kemahuan nafsu manusia atau mazhab yang diminati sahaja.

Perbezaan antara *wasā'il* dengan *bid'ah* adalah seperti berikut:

1) *Wasā'il* kadang-kadang membawa kepada kemaslahatan dan juga ia membawa kepada kerosakan. Adapun *bid'ah*, ia semata-mata membawa kepada kerosakan sahaja.

2) *Wasā'il* kadang-kadang mempunyai dalil khusus daripada syarak seperti syarat-syarat sah dalam ibadat dan ia berbeza dengan *bid'ah* kerana *bid'ah* adalah perkara yang tidak mempunyai dalil. Sebagai contoh, berpuasa pada hari Isra' dan Mikraj yang biasa diamalkan oleh sebahagian umat Islam dengan sangkaan bahawa ia adalah disunatkan. Pada hakikatnya ia adalah termasuk dalam *bid'ah* yang berat kerana ia tidak mempunyai dalil atau nas yang thabit dari Rasulullah SAW sebagai sandaran. Ia juga tidak menjadi amalan dalam kalangan ulama salaf.²

3) Secara umumnya, *wasā'il* wujud dalam permasalahan muamalat dan adat istiadat. Berlainan pula dengan *bid'ah*, ia berlaku pada ibadat. Sebagai contoh

seseorang tidak memakan buah-buahan merupakan perkara yang biasa berdasarkan kepada adat seseorang dan ia adalah suatu yang harus. Tetapi jika seseorang itu tidak memakan buah-buahan dengan tujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT atau menganggap ia adalah perkara yang sunat, maka ia menjadi *bid'ah*.

4) *Wasā'il* adalah perbuatan yang tidak disertakan niat ketika melakukannya. Manakala *bid'ah* pula ialah perbuatan yang dilakukan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah.³

Oleh itu, terdapat perbezaan ketara antara *Wasā'il* dan *bid'ah*. Jika sesuatu permasalahan itu hendak ditentukan hukumnya maka hendak dikenal pasti adakah ia termasuk dalam perkara a *wasā'il* atau pun *bid'ah* bagi mengelakkan fatwa yang salah dikeluarkan oleh seorang mujtahid.

PENUTUP

Parameter ijtihad merupakan satu mekanisme penting dalam menentukan kesahihan sesuatu hukum. Parameter yang telah dibincangkan merupakan bukti kukuh bahawa fuqaha silam tidaklah sewenang-wenangnya dalam menentukan sesuatu hukum tetapi ia adalah berasaskan kepada kaedah-kaedah tertentu yang terhasil dari kefahaman terhadap nas syarak. Pembuktian ini juga menjawab dakwaan sebahagian tokoh-tokoh liberalisme yang berpandangan bahawa hukum-hukum yang terhasil di dalam kitab fiqh klasik merupakan ciptaan yang berasaskan hawa nafsu dan kepentingan pihak tertentu sahaja.

¹ *al-Zarkasyī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 6, 108.

² *al-Zarkasyī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 6, 90.

³ *al-Zarkasyī Badr al-Dīn, al-Bahr al-Muḥīṭ*, vol. 6, 88.

RUJUKAN

- Abī Bakr al-Jassas, *al-Fuṣūl fī al-Uṣūl*, vol. 2, ed. Ajil al-Namsyī Wizarah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, t.t.)
- Abī Dāwud Sulaymān bin al-Asy'ath, *al-Sunan* (Hams: Dār Ḥadīth, 1974)
- Abī Ya'la al-Fura', *al-'Uddah fī Uṣūl al-Fiqh*, vol. 4. ed. Aḥmad bin 'Alī al-Mubārakī (Riyād: t.p., 1980)
- Abū Dāwud, Sulaymān Ibn al-Ash'ath Al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwud*, ed. by Muḥammad Muḥyiddīn 'Abd al-Ḥamīd (Beirut: Dār al-Fikr)
- Abū Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazzālī, *al-Mustasfā*, vol. 2 (Beirut: Dār al-Kutub, t.t.)
- Abū Muhammad 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥmān bin Fadl bin Bahram al-Darīmī, *al-Sunan*, vol. 2 (Qāhirah: Dār Rayyān li al-Turāth, 1987)
- Aḥmad al-Sarakhsī, *al-Uṣūl*, (vol. 2). (Miṣr: Dār al-Kutub al-'Arabī, 1951)
- Al-Bayhaqī, Aḥmad Ibn al-Husyan al-Khurasānī Abu Bakr, *Al-Sunan Al-Kubrā*, ed. by Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003)
- al-Imām al-Ḥafīẓ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Qāhirah: Dār al-Rayyān li al-Turāth, 1939)
- al-Shaṭībī Abī Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Nahmī, *al-Muwafaqāt*, vol. 2, ed. 'Abd Allāh Diraz (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.)
- al-Zarkasyī Badr al-Dīn, *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, vol. 6 (Miṣr: Dār al-Kutub, 1994)
- Fakhr al-Dīn al-Razī, *al-Maḥṣūl fī 'Ilm al-Uṣūl*, vol. 6 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1988)
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, *Baḍā'i' al-Fawā'id*, vol. 3 (T.t.p.: Idārah al-Tibā'ah al-Munīrah, t.t.)
- Ibn al-Qayyim Shams al-Dīn Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr, *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, vol. 1 (Beirut: Dār al-Jayl, 1973)
- Ibn Mājah Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Yazid, *al-Sunan* (Qāhirah: Dār Ḥadīth, 1994),
- Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*, vol. 2, ed. 'Abd al-'Azīm Maḥmūd al-Zib (Miṣr: Dār al-Wafā' al-Manṣūrah, 1992)
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001)
- Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, *Dinamisme Pengajian Syariah* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001)
- Muḥammad bin Idris al-Shāfi'ī, *al-Umm*, (vol. 7) Beirut: t.p., 1973)
- Muḥammad bin Isā al-Tirmidhī, *al-Sunan*, (vol. 1) (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.)
- Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albānī, *Irwaw al-Ghalīl fī Takhrij Aḥādīth Manār al-Sabīl* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1969)
- Muslim Ibn Hajjāj Al-Naysāburī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. by Muḥammad Fu'ād 'Abd Al-Bāqī (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth)
- Quṭb al-Raysūnī, *al-Taysīr al-Fiqh Masyrū' Āyāt wa Ḍawābiṭ wa Uwa'idh* (Beirut: Dār Ibn Hazm, 2007)
- Shihāb al-Dīn al-Qarrafi, *al-Furuk*, vol. 4 (Beirut: t.p., t.t.)
- Shihāb al-Dīn al-Qarrafi, *Nafā'is al-Uṣūl*, vol. 3, ed. Ādil Aḥmad 'Abd Allāh wa 'Alī Muḥammad Mau'd (Makkah: Maktabah al-Bāz, 1995)